

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

TAWAF WADA'

HUKUM DAN PELAKSANAANNYA

الحمد لله رب العلمين ، والصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى رَسُولِهِ مُحَمَّدٍ ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنِ اهْتَدَى بِهَدَاهِ

1.0 PENDAHULUAN:

Tawaf al-Wada' adalah tawaf selamat tinggal. Ia juga disebut sebagai Tawaf al-Sadar (الصَّدْر) kerana jemaah yang telah selesai menunaikan haji kembali muncul dan menuju ke Baitullah sebelum pulang ke destinasi masing-masing (Al-Muntakhab min al-Sunnah, 1989). Tawaf Wada' dilaksanakan oleh jemaah haji, jemaah umrah dan pelawat (*al-zair*) bagi memuliakan dan menghormati Baitullah al-Haram sebelum mereka berangkat meninggalkan kota suci Makkah al-Mukarramah.

Namun, dewasa ini terdapat pertikaian tentang hukum pelaksanaannya yang penulis merasakan wajar satu penjelasan dibuat. Di dalam makalah ini, penulis menggunakan pakai kitab-kitab fiqh klasik dan fiqh kontemporari serta Pekeliling Ibadah TH dan resolusi-resolusi yang diputuskan di dalam Muzakarah Haji Peringkat Kebangsaan.

2.0 DALIL:

Asas bagi pelaksanaan tawaf wada' sebelum jemaah berangkat meninggalkan kota suci Makkah bertitik tolak daripada hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim r.a.:

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ، قَالَ: كَانَ النَّاسُ يَنْصَرِفُونَ فِي كُلِّ وَجْهِ، فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ:
"لَا يَنْفِرَنَّ أَحَدٌ حَتَّى يَكُونَ آخِرُ عَهْدِهِ بِالْبَيْتِ"

Maksudnya: Daripada Ibn 'Abbas r.a., beliau berkata: Tatkala manusia (yakni jemaah haji) beredar meninggalkan Makkah dari segenap penjurunya, maka Rasulullah SAW bersabda: Jangan sekali-kali ada di antara kamu yang meninggalkan (kota Makkah) sehingga ia menjadikan akhir masanya (pekerjaan terakhirnya) tawaf di Baitullah.

Di dalam sebuah hadis yang lain pula, Imam al-Bukhari meriwayatkan:

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ: أُمِرَ النَّاسُ أَنْ يَكُونَ آخِرُ عَهْدِهِمْ بِالْبَيْتِ،
إِلَّا أَنَّهُ حُقِفَ عَنِ الْحَائِضِ

Maksudnya: Daripada Ibn 'Abbas r.a., beliau berkata: Manusia (jemaah haji) diperintahkan agar menjadikan akhir masa mereka dengan (mengerjakan tawaf) di Baitullah, melainkan hanya wanita dalam haid diberi keringanan daripada mengerjakannya.

3.0 HUKUM MENERJAKAN TAWAF WADA':

Terdapat perbezaan pendapat dalam kalangan fuqaha mazahib hatta dalam kalangan al-Syafi'iyah tentang hukum mengerjakan tawaf wada' kepada jemaah haji dan jemaah umrah. Pendapat-pendapat tersebut adalah seperti berikut:

3.1 Ibadat Haji

Pertama; Menurut pendapat yang *sahih di dalam mazhab Syafie* seperti yang dijelaskan oleh al-Baghawiy, al-Mahamiliy dan al-Rafi'iy, hukum mengerjakan tawaf wada' adalah **wajib** bagi setiap jemaah haji yang telah selesai menunaikan segala amalan hajinya, sebelum mereka bergerak keluar dari kota suci Makkah (Ibn Jama'ah, 1994). Pendapat ini juga selari dengan pendapat mazhab Hanafi dan Hanbali (Mughniyah, 2003; Al-Nawawi, 1994; Al-Qalyubi, 1997; Ibn Qudamah, 1994). Oleh itu, sekiranya tawaf wada' tidak dilaksanakan tanpa sebarang uzur syar'ie, maka wajib kepada jemaah haji tersebut dam tertib dan taqdir.

Kedua; Menurut fuqaha mazhab Maliki dan satu pandangan dalam mazhab Syafie, hukum mengerjakan tawaf wada' hanyalah mustahab (sunat) kepada jemaah haji usai melaksanakan segala amalan haji mereka (Al-Qarafi, 1994; Bentahir 2019; Al-Nawawi, 1994). Malah, menurut mazhab Maliki, sekiranya tidak dilaksanakan maka tiada apa-apa dikenakan ke atas jemaah haji. Manakala menurut pandangan kedua mazhab Syafie, mustahab kepada jemaah tersebut menyempurnakan dam tertib dan taqdir (Al-Mughniyah, 2003; Al-Nawawiy, 1994; Al-Jaziriy, 2003)

3.2 Ibadat Umrah

Pertama; Menurut fuqaha mazhab Syafie (*pendapat yang asah*) dan Hanbali, hukum mengerjakan tawaf wada' kepada jemaah umrah adalah **wajib** sebagaimana ia diwajibkan kepada jemaah haji. Sekiranya ditinggalkan tanpa uzur syar'ie, maka dikenakan dam tertib dan taqdir (Al-Nawawiy, 1994; Ibn Qudamah, 1994).

Kedua; Menurut fuqaha mazhab Hanafi dan Maliki dan satu pandangan dalam mazhab Syafie, hukum mengerjakan tawaf wada' hanyalah sunat. Walaupun begitu, dalam mazhab Syafie adalah disunatkan kepada jemaah umrah yang meninggalkan tawaf wada' untuk menyempurnakan dam tertib dan taqdir seperti mana jemaah haji. ('Itir, 1995; Bentahir, 2019; Al-Nawawiy, t.th; Al-Jurdani, 1990).

Berdasarkan kepada pendapat-pendapat para fuqaha di atas, jelasnya hukum mengerjakan tawaf wada' kepada jemaah dari Malaysia (yang rata-ratanya bermazhab Syafie) adalah **wajib** apabila mereka memenuhi kriteria-kriteria yang akan dijelaskan di bawah. Hukum ini adalah selari dengan keputusan yang telah diputuskan di dalam Muzakarah Haji Peringkat Kebangsaan (MHPKk), Tabung Haji Malaysia; entiti yang berautoriti dalam menyelaras urusan haji dan hukum-hakamnya di negara ini. Justeru, jemaah yang tidak mengerjakan tawaf wada' tanpa sebarang uzur syar'ie dikira berdosa dan dikenakan dam dengan syarat-syaratnya.

4.0 DAWABIT TAWAF WADA':

4.1 Kriteria Umum

Tawaf wada' diwajibkan kepada jemaah haji dan jemaah umrah yang telah menyempurnakan amalan-amalan haji atau umrah mereka serta individu-individu yang masuk ke Makkah atas sebab-sebab lain dan mereka berhasrat untuk meninggalkan kota Makkah. Kewajipan tersebut adalah tertakluk kepada penentuan berikut (Al-Jurdaniy, 1990; Ba Syanfir,1999) :

Pertama: Meninggalkan kota Makkah ke suatu destinasi yang jarak jauhnya dua (2) marhalah (kurang lebih 81km) atau lebih seperti kembali ke tanah air atau ziarah ke Madinah. Ini termasuklah pemergian dalam tempoh yang sangat singkat jemaah yang tidak lagi terikat dengan ihram (jemaah yang telah selesai mengerjakan umrah atau mengerjakan haji secara tamattu' sementara menunggu untuk berniat haji sebelum berangkat ke Arafah) seperti menziarahi bandar Taif atau Jeddah walaupun hanya dalam beberapa jam sahaja (Resolusi MHPK-35, 2018 & MHPK-36, 2019).

Kedua: Meninggalkan kota Makkah ke suatu destinasi yang jaraknya kurang daripada dua (2) marhalah, tetapi akan bermukim di situ selama empat (4) hari atau lebih.

Ketiga: Meninggalkan kota Makkah untuk kembali ke kediamannya yang terletak di luar kota Makkah, walaupun jaraknya kurang daripada dua (2) marhalah.

Keempat: Tiada sebarang peraturan daripada pihak berkuasa yang menghalang jemaah atau individu daripada mengerjakan tawaf wada' (Resolusi MHPK-37, 2020).

4.2 Kriteria Khusus

Bagi memastikan tawaf wada' yang dilakukan bertepatan dengan tuntutan syarak sebagaimana yang dizahirkan daripada hadis Ibn 'Abbas di atas, jemaah hendaklah memastikan dua perkara (Ibn Hajar al-Haitamiy, 1985):

- a) **Sebelum melakukan tawaf wada’**: Segala persiapan berkaitan permusafiran seperti urusan membeli-belah, mengemas bagasi dan sebagainya telah selesai dilakukan.
- b) **Selepas melakukan tawaf wada’**:
- i. Jemaah hendaklah bersegera meninggalkan kota Makkah kecuali terdapat hajat-hajat tertentu yang daruriy.
 - ii. Mana-mana jemaah yang sengaja melengah-lengahkan meninggalkan kota Makkah selepas mengerjakan tawaf wada’, maka tawaf tersebut terbatal dan wajib kepadanya mengulangi pekerjaan tawaf wada’.
 - iii. Mana-mana pelakuan atau aktiviti jemaah yang tidak bersangkutan dengan permusafiran atau menunjukkan wujud keinginan untuk menetap di Makkah (mazinnah al-Iqamah) akan menyebabkan tawaf wada’ terbatal (Resolusi MHPK-35, 2018).

5.0 PENGECUALIAN DARIPADA TAWAF WADA’:

Walaupun hukum asal bagi tawaf wada’ adalah wajib, namun dalam keadaan-keadaan tertentu, jemaah boleh dikecualikan daripadanya dan tidak dikenakan sebarang dam. Antara golongan yang dikirakan uzur syar’ie dari melakukan tawaf wada’ yang dijelaskan oleh Imam al-Nawawiy (1994) dan Sheikh ‘Abd al-Fattah Husayn (1994) adalah terdiri daripada:

- Perempuan dalam haid atau nifas.
- Perempuan istihadah yang mengikut adatnya ia dalam haid.
- Orang yang berpenyakit *salasalbawl* atau seumpamanya.
- Orang yang luka dan banyak mengalir darahnya walau dibalut sehingga boleh menajiskan masjid / mataf.
- Orang yang dipaksa meninggalkan tawaf wada’ (*al-mukrah*) seperti kes kecemasan, darurat atau terdesak.
- Orang yang takut kepada orang zalim yang akan menzaliminya.
- Orang yang takut daripada penagih hutang sedangkan ia tiada upaya menjelaskannya.
- Orang yang takut ditinggalkan oleh teman musafirnya.

- Mereka yang takut terancam nyawanya, kehormatan dirinya dan harta bendanya.
- Orang yang tiada mendapati air atau tanah untuk bertaharah

Manakala merujuk kepada suasana masa kini, terdapat beberapa golongan tambahan turut dikecualikan daripada tawaf wada’ (Jamalluddin, 2022 & 2023; Resolusi MHPK-22, 2006; MHPK-29, 2013; MHPK-37, 2020; Pekeliling Ibadah 4/2017; Slide KAH TH 1444H – Minggu ke-10). Mereka terdiri daripada:

- Petugas yang kerap keluar masuk kota Makkah kerana memberi perkhidmatan kepada jemaah haji dan atas urusan haji.
- Orang yang terpaksa diusung kerana uzur disebabkan sakit atau atas faktor usia yang lanjut dan ia tidak mampu untuk duduk di kerusi tolak.
- Orang yang mendapat rawatan di pusat rawatan secara rapi dan perlukan penjagaan perubatan secara berjadual.
- Jemaah yang tergolong dalam kalangan orang berisiko tinggi, yang telah dikenal pasti oleh pihak perubatan sebagai orang yang tiada harapan sembuh.

6.0 KAIFIYAT TAWAF WADA':

Pelaksanaan tawaf wada' adalah sama sebagaimana tawaf-tawaf yang lain; iaitu dari aspek syarat-syarat sahnya dan juga sebahagian besar daripada sunat-sunatnya. Ringkasnya adalah seperti turutan berikut (Al-Nawawiy, 1994; 'Abd al-Fattah, 1313H):

- Usai mengerjakan semua amalan nusuk dan menyempurnakan urusan peribadinya, jemaah berwuduk dan pergi ke Masjidil Haram dengan hanya berpakaian biasa. Penulis mensarankan agar jemaah bergerak ke Masjidil Haram 3-5 jam sebelum jadual keberangkatan agar dapat melakukan tawaf wada' dengan penuh khusyuk dan tenang, manakala tempoh berada di penginapan selepas itu juga tidaklah terlalu lama.
- Jemaah wajib berniat untuk mengerjakan tawaf wada. Contoh lafaznya adalah:

نَوَيْتُ أَنْ أَطُوفَ طَوَافَ الْوُدَّاعِ سَبْعَةَ أَشْوَاطٍ لِلَّهِ تَعَالَى

 Maksudnya: Sahaja aku mengerjakan tawaf wada' tujuh (7) keliling kerana Allah Ta'ala
- Oleh kerana jemaah lelaki hanya berpakaian biasa, tiada idtiba' semasa melakukan tawaf wada'.
- Tidak disunatkan kepada jemaah lelaki berlari-lari anak (*al-ramal*) pada tiga pusingan pertama, sebaliknya hanya berjalan seperti biasa pada setiap pusingan.
- Setelah sempurna tujuh (7) keliling, jemaah disunatkan menunaikan solat sunat tawaf di belakang Maqam Ibrahim atau di mana-mana tempat asalkan masih di dalam Masjidil Haram diikuti dengan berdoa.
- Sekiranya berpeluang ke Multazam, jemaah disunatkan berdoa dengan apa-apa jua doa yang bergantung dengan urusan agama dan juga kebahagiaan dunia.
- Setelah berdoa di Multazam, disunatkan pula mengucup Hajarul Aswad jika keadaan mengizinkan dan tidak memudaratkan jemaah.
- Selepas itu, minumlah air zamzam sepuas-puasnya.

- Selesai mengerjakan amalan-amalan di atas, bersegera keluar dari Masjidil Haram dan seterusnya meninggalkan Makkah tanpa bertangguh.
- Jemaah hendaklah berjalan seperti biasa bukan secara berundur kebelakang (yakni menghadap arah pintu keluar masjid) dengan sesekali menoleh ke Baitullah dengan perasaan penuh kesedihan kerana meninggalkannya.

Bagi jemaah yang tidak dapat menunaikan keseluruhan tujuh (7) pusingan tawaf wada' sekaligus atas sebab-sebab tertentu seperti lemah fizikal, waktu yang tidak sesuai (contohnya pada waktu tengahari) atau keterbatasan masa dan ruang pada waktu puncak (contohnya selepas solat Subuh) sedangkan jadual perjalanan begitu hampir, maka dibolehkan bagi jemaah tersebut membahagikan pusingan tawaf tersebut kepada dua (2) bahagian. *Pertama*; melakukan terlebih dahulu beberapa pusingan lebih awal pada waktu yang lebih tenang dan kondusif (contohnya 5-6 pusingan pertama), *Kedua*; manakala baki pusingan dilakukan pada waktu yang berikutnya. Ini mengambil kira pandangan dalam mazhab Syafie dan mazhab Hanafi bahawa tidak disyaratkan *muwalat* (berturut-turut) semasa mengerjakan tawaf bahkan ianya sunat belaka (Ba Syanfir, 1999).

Bagi jemaah wanita yang dalam haid atau nifas, disunatkan bagi mereka untuk pergi sehampir mungkin ke hadapan pintu Masjidil Haram (sebaik-baiknya yang boleh nampak Baitullah) untuk berdoa sambil menghadap ke arah kiblat. Penulis juga berpandangan, wajar juga ia berada dalam kawasan mas'a dan terus berdoa (jika tidak mengganggu jemaah yang sedang saie) sementara menunggu jemaah yang lain selesai mengerjakan tawaf wada'.

7.0 PERKARA YANG TIDAK DIGALAKKAN SELEPAS TAWAF WADA':

Antara perkara yang tidak digalakkan untuk dilakukan selepas mengerjakan tawaf wada' adalah seperti berikut:

- Berlengah-lengah di dalam Masjidil Haram sehingga menyebabkan perjalanan jemaah lain terganggu kerana menunggu kepulangannya.
- Bergambar di dalam Masjidil Haram dan semasa perjalanan pulang dari masjid.
- Bersedekah semasa dalam Masjidil Haram dan semasa perjalanan pulang dari masjid.
- Membeli barangan yang tidak berkaitan dengan *safarnya* seperti membeli minyak wangi, tasbih, pakaian hatta makanan burung walaupun dengan nilai yang rendah.
- Perbuatan yang dianggap menyalahi 'uruf orang yang akan bermusafir seperti melakukan persetubuhan.

Perkara-perkara di atas sekiranya dilakukan oleh jemaah, hukum tawaf wada'nya masih sah dan tidak dikenakan sebarang dam. Adapun perkara yang boleh ***membatalkan tawaf wada'***

dalam konteks masa kini ialah perbuatan-perbuatan yang jelas menampakkan keinginannya untuk bermukim (mazinnah al-iqamah) seperti kembali berulang-alik ke Masjidil Haram untuk menunaikan solat fardu. Selain itu, tawaf wada' akan terbatal dengan sendirinya sekiranya jemaah tidak meninggalkan kota Makkah setelah melewati tempoh masa keberadaan iaitu 8 jam jika tiada masalah dalam bab *safar* atau 24 jam sekiranya bermasalah dalam bab *safar*; sebagaimana yang telah diputuskan di dalam Pekeliling Ibadah 4/2017 & Resolusi MHPK-34, 2017.

8.0 PENUTUP:

Bagi tujuan pelarasan hukum dalam amalan nusuk, sehingga kini Ahli Jawatankuasa Penasihat Ibadat Haji (AJPIH) Tabung Haji / JAKIM dan menerusi resolusi yang telah diputuskan di dalam Muzakarah Haji Peringkat Kebangsaan (MHPK) masih berpegang kepada hukum bahawa mengerjakan tawaf wada' adalah **WAJIB** kepada semua jemaah dari Malaysia yang hendak keluar dari kota Makkah dengan syarat-syarat termaklum sama ada berstatus sebagai jemaah haji, umrah ataupun pelawat. Namun dalam kes-kes tertentu, pengecualian pelaksanaannya diberikan kepada jemaah tertentu yang berstatus uzur syar'ie. والله أعلم

نسأل الله لنا ولجميع المسلمين العفو والعافية . وصلى الله على نبينا محمد
وعلى آله وصحبه وسلّم ، والحمد لله رب العالمين.

Susunan al-'Abd al-Faqir ila 'Afw Allah,

Ustaz Mohd Sirajuddin Siswadi Putera Mohamed Shith, PhD.

PENSYARAH KANAN ACIS, UiTM SHAH ALAM.

Tarikh: 30 Rabi'ul Awwal 1445H. / 15 Oktober 2023M.

BIBLIOGRAFI:

'Abd al-Fattah Husayn Rawah al-Makkiy, Sheikh (1413H), *Sual wa Jawab fi A'mal al-Hajj wa al-Umrah*, Makkah al-Mukarramah: Al-Nasyir Muhammad Turki ibn 'Umar 'ala' al-Din.

_____ (1994), *Al-Ifsah 'ala Masa'il al-Idah* (Dlm. Al-Nawawiy, Kitab al-Idah), Beirut: Dar al-Basyair al-Islamiyyah.

Ba Syanfir, Sa'id bn 'Abd al-Qadir (1999), *Al-Mughniy fi Fiqh al-Hajj wa al-Umrah*, Beirut: Dar Ibn Hazm.

Bentahir, 'Abdullah (2019), *Al-Hajj fi Fiqh al-Malikiy Adillatuh*, Maghribi: Matba'ah al-Najah al-Jadidah.

Al-Bukhari, Muhammad ibn Ismail (1422H), *Al-Jami' al-Sahih*, Beirut: Dar Tawq al-Najah.

Daud Abdullah al-Fatani, Sheikh (1434H), *Ghayah al-Muram fi Kayfiyyah Ada' Hajj al-Islam* di dalam *Misk al-Maqam*, Pulau Pinang: Ikatan Penuntut Ilmu Islam.

Hasan bin Muhammad Nur al-Fatani & Adam bin Abdullah Kelantani (1937), *Zad al-Hajj*, Jeddah: -Maktabah al-Syarqiyyah.

Ibn Jama'ah, 'Izz al-Din 'Abd al-Salam (1994), *Hidayah al-Salik*, Beirut: Dar al-Basyair al-Islamiyyah.

Ibn Qudamah, Abu Muhammad Abdullah ibn Ahmad (1994), *Al-Mughniy 'ala Mukhtasar al-Khiraqiy*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Al-Haitamiy, Ibn Hajar, (1985), *Hasyiah al-'Allamah Ibn Hajar al-Haitamiy'ala Syarh al-Idah fi Manasik al-Hajj*, Makkah al-Mukarramah: Al-Maktabah al-Salafiyyah.

'Itir, Nur al-Din (1995), *Al-Hajj wa al-Umrah fi al-Fiqh al-Islamiy*, t.tp.

Jamalluddin bin Hashim (2022), *Fiqh Umrah Kontemporari Norma Baru*. B.B.Bangi: Darul Syakir Enterprise.

_____ (2023), *Fiqh Haji Kontemporari*. B.B.Bangi: Darul Syakir Enterprise.

Al-Jaziriy, 'Abd al-Rahman (2003), *Al-Fiqh 'ala al-Madhahib al-Arba'ah*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Al-Jurdaniy, Muhammad 'Abdullah (1990), *Fath al-'Allam bi Syarh Mursyid al-Anam*, Kaherah: Dar al-Salam.

Majlis Tertinggi Urusan Keislaman Mesir (1989), *Al-Muntakhab min al-Sunnah* (Terj.), Selangor: Thinker's Library Sdn. Bhd.

Mughniyah, Muhammad Jawad (2003), *Al-Fiqh 'ala Madhahib al-Khamsah* (Terj.), Jakarta: PT Lentera Basritama.

Muhammad Nur bin Muhammad al-Fatani, Sheikh (t.th), *Kifayah al-Muhtadi*, Pulau Pinang: Dar al-Ma'arif.

Muhammad bin Ismail Daud Fatani (t.th.), *Matla' al-Badrayn wa Majma' al-Bahrayn*, Pulau Pinang: Maktabah wa Matba'ah Dar al-Ma'arif.

Muslim ibn al-Hajjaj al-Naysaburiy (1955), *Sahih Muslim*, Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabiyy.

Al-Nawawi, Mahyuddin ibn Syaraf (1994), *Al-Idah fi Manasik al-Hajj wa al-'Umrah*, Beirut: Dar al-Basyair al-Islamiyyah.

_____ (t.th), *Al-Majmu'*, Jeddah: Maktabah al-Irsyad.

Al-Qalyubiy, Ahmad ibn Ahmad (1997), *Hasyiah al-Qalyubiy*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Al-Qarafi, Syihab al-Din Ahmad ibn Idris (1994), *Al-Dhakhirah*, Beirut: Dar al-Gharb al-Islamiyy.

Sayyid Sabiq (1995), *Fiqh al-Sunnah*, Beirut: Dar al-Fikr.

Al-Syarbiniy, Syams al-Din Muhammad ibn Muhammad, Khatib (1994), *Mughni al-Muhtaj*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Resolusi Muzakarah Haji Peringkat Kebangsaan (MHPK) Ke – 22, Tahun 2006.

Resolusi Muzakarah Haji Peringkat Kebangsaan (MHPK) Ke – 27, Tahun 2011.

Resolusi Muzakarah Haji Peringkat Kebangsaan (MHPK) Ke – 29, Tahun 2013.

Resolusi Muzakarah Haji Peringkat Kebangsaan (MHPK) Ke – 34, Tahun 2017.

Resolusi Muzakarah Haji Peringkat Kebangsaan (MHPK) Ke – 35, Tahun 2018.

Resolusi Muzakarah Haji Peringkat Kebangsaan (MHPK) Ke – 36, Tahun 2019.

Resolusi Muzakarah Haji Peringkat Kebangsaan (MHPK) Ke – 37, Tahun 2020.

Pekeliling Ibadat 4/2017.

Pekeliling Ibadat 5/2018.

Slide KAH 1444 TH – Minggu 5, 8 & 10